

30/07/1997

Proton, Lotus guna teknologi tempatan

PERUSAHAAN Otomobil Nasional Bhd (Proton), pengeluar kereta nasional sedang membangunkan kereta tempatan yang sepenuhnya direka menggunakan teknologi komputer dan menampilkan ciri kereta Proton dan Lotus.

Naib Pengerusi dan Ketua Eksekutif Proton, Tengku Mahaleel Tengku Ariff, berkata penghasilan model terbaru yang menjadi kenderaan tempatan sepenuhnya adalah lambang kejayaan perkongsian pintar yang dilaksanakan antara Proton dengan Lotus.

Lotus Pty Ltd, adalah syarikat automotif Eropah terkemuka yang membangunkan kereta menggunakan teknologi komposit, sudah dikuasai Proton tahun lalu.

"Kereta terbaru itu nanti akan direka jurutera tempatan dan ia menjadi antara projek terbesar pertalian antara Proton dengan Lotus.

"Proton mahu membina kereta yang dihasilkan dengan rekaan kita sendiri bukannya menggunakan rekaan dan teknologi asing dan memindahkannya di sini, melabelkannya dengan jenama tempatan dan mengisytiharkannya sebagai kereta tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita di hari kedua Dialog Antarabangsa Langkawi (LID 97), di Langkawi, semalam.

Terdahulu Tengku Mahaleel menjelaskan pengalaman Proton dalam industri automotif dalam dialog tertutup yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menjelaskan bagaimana hubungan antara Proton dan Lotus.

Bagaimanapun, Tengku Mahaleel mengakui bahawa kerjasama Lotus dan Proton tidak mudah kerana terdapat beberapa masalah dari segi cara kerja dan kebudayaan.

"Jika saya kata perkongsian itu berjalan lancar tanpa sebarang gangguan mungkin saya tidak bercakap benar.

"Tetapi motivasi untuk berjaya daripada perkongsian itu amat menggalakkan dan keadaan itu menjadi faktor pendorong kepada perkongsian seterusnya kerana Proton banyak belajar daripada Lotus dan begitu juga sebaliknya," katanya.

Tengku Mahaleel berkata, industri automotif iaitu sektor pembuatan terbesar dunia membabitkan tenaga kerja 12 juta dan menjana perolehan tahunan lebih daripada US\$2 trilion sudah melalui pelbagai perubahan struktur.

Katanya, antara perubahan yang muncul adalah peraturan berhubung standard pengeluaran asap dan aspek keselamatan.

"Peraturan pengeluaran asap sekarang seolah-olah memaksa pengeluar kereta membuat kereta yang berupaya menyedut udara kotor, memprosesnya dan melepaskan semula udara bersih.

"Selain itu industri kereta juga menghadapi lebih penawaran di mana diunjurkan dalam tempoh lima tahun akan datang terdapat 80 juta kereta dikeluarkan setahun tetapi permintaan hanya 60 juta setahun," katanya.

(END)